

10 MAY 2002

Mahathir-Lawat (Laporan Khas)/I

PERANG MULUT BERTUKAR KEPADA PERANG MENENTANG KEGANASAN

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 10 Mei (Bernama) -- Mungkin ganjil, tetapi tragedi 11 Sept nampaknya sedikit sebanyak membantu memulihkan hubungan "dingin" antara Amerika Syarikat dan Malaysia.

Perang mulut antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pegawai-pegawai kanan pentadbiran Clinton ekoran penahanan dan hukuman penjara terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim, isu hak asasi manusia dan sistem perundangan di Malaysia dan cara ia menangani krisis kewangan - telah reda - walaupun Dr Mahathir dijangka terus meluahkan isi hati beliau di masa depan dan pasti ini akan menyebabkan sedikit rasa tidak selesa dalam pentadbiran Bush.

Perjuangan Malaysia menentang ekstrimisme bermula lama sebelum 11 Sept dengan penahanan anggota-anggota Al Ma'unah yang dituduh cuba menggulingkan Yang di-Pertuan Agong menggunakan keganasan, dan penahanan lebih kurang 62 anggota Kumpulan Militan Malaysia (KMM) di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Ramai di Washington pada awalnya menganggap penahanan anggota-anggota Al Ma'unah dan KMM, sebagai percubaan Dr Mahathir untuk menindas pembangkang, tetapi keraguan itu berakhir selepas September.

"Motif Malaysia pada mulanya dianggap sebagai politik dalaman - sejak itu (11 Sept), Malaysia telah terbukti sebagai rakan sebenar," kata Dana Dillon, seorang penganalisis kanan Asia Tenggara di Yayasan Warisan Konservatif kepada Bernama.

Serangan mengejut di Pusat Dagangan Dunia di New York dan di Pentagon di Washington pada 11 Sept lepas oleh anggota-anggota Al-Qaeda mengejutkan Amerika untuk bertindak dan membuka matanya terhadap bahaya keganasan dan ekstrimisme.

Dillon berkata, Amerika Syarikat sedang mencari rakan di Asia Tenggara dan di dunia Islam dalam memerangi keganasan - "Malaysia memenuhi syarat itu -- bekerjasama dalam penguatkuasaan dan diplomasi."

Beliau menunjukkan yang Amerika Syarikat telah banyak menaruh harapan terhadap Indonesia -- kerana ia sebuah negara besar dengan bilangan penduduk Islam yang besar, "tetapi Indonesia juga kekecewaan besar".

Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri adalah antara pemimpin Asia Tenggara yang pertama dijemput oleh White House untuk berbincang bersama Presiden George Bush selepas sahaja serangan itu, tetapi ramai di Washington kecewa kerana kurangnya kemajuan pada pihak kerajaan Indonesia dalam bertindak terhadap mereka yang disyaki pegganas.

Prof Datuk Dr Zakaria Ahmad, mewakili Kerusi Tun Razak Bagi Kajian Asia Tenggara di Universiti Ohio, Athens, berkata pertemuan rasmi antara Dr Mahathir dan Bush pada 14 Mei di White House akan membuka mata dan minda Washington kepada suara alternatif mengenai Islam, perang terhadap keganasan dan krisis Asia Barat daripada perspektif seorang pemimpin Islam yang progresif.

"Ada yang menganggap Dr Mahathir sebagai bijak, berwawasan -- tetapi masalahnya beliau berada di hadapan semua yang lain, ini menyebabkan beliau sering kali disalah fahami," kata beliau lagi.

Sementara itu seorang lagi warga Malaysia Prof Datuk Dr Osman Bakar di Universiti Georgetown di sini berkata, lawatan Dr Mahathir ke White House adalah berlatarbelakangkan kepada dua pencapaian utama dalam membanteras keganasan: "Pertamanya, kepimpinan Dr Mahathir dalam mencapai satu perjanjian serantau untuk memerangi keganasan telah membuahkan hasil dan

keduanya ialah Mesyuarat Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) mengenai keganasan di KL."

"Walaupun definisi beliau mengenai keganasan tidak diterima dalam ICFM itu, ia sekurang-kurangnya berjaya membawa bersama majoriti negara Islam untuk menangani isu itu."

Sejak 11 Sept lepas, dunia Islam ketandusan suara kuat untuk menangani isu keganasan. Menerusi mesyuarat ICFM di KL, beliau nampaknya telah mengambil peranan utama dalam menangani isu berkenaan daripada sudut pandangan seorang pemimpin Islam, kata Osman.

Beliau boleh mengkagumkan Bush dengan minatnya untuk memerangi keganasan bukan sahaja terhad ke rantau itu sahaja, tetapi juga pada dimensi global khasnya di Dunia Islam, menurut profesor universiti Georgetown itu.

Dalam satu temubual, James A.Kelly, Penolong Setiausaha Negara Bagi Hal Ehwal Asia Timur dan Pasifik berkata, kedua-dua pemimpin itu dijangka mengadakan perbincangan "terus terang" mengenai krisis di Asia Barat walaupun mereka mungkin berpendirian berbeza dalam hal itu.

Tetapi kata beliau lagi, presiden itu berminat untuk mendengar pandangan Perdana Menteri kerana "pada akhirnya, kita semua mahu perkara yang sama di Asia Barat -- keamanan yang berkekalan di kawasan yang dilanda masalah itu".

Seorang lagi warga Malaysia Pamela Sodhy, profesor pelawat di Universiti Georgetown di sini berkata sementara hubungan antara kedua-dua negara semakin meningkat, ia boleh diganggu oleh konflik di wilayah-wilayah yang diduduki dan serangan Amerika terhadap Iraq semakin dekat.

"Malaysia akan memihak kepada negara-negara Islam ataupun sesiapa sahaja yang betul, sementara tindakan Amerika menyokong Israel menyebabkan pergeselan dan polarisasi," kata Sodhy.

Pada asasnya, beliau menunjukkan yang hubungan antara kedua-dua negara terus utuh dengan perdagangan, pelaburan dan pendidikan serta hubungan pertahanan adalah yang terbaik pernah dicapai.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak yang berada di sini minggu lepas menganggap hubungan pertahanan yang kukuh antara kedua-dua negara adalah "rahsia yang dijaga baik".

Selain daripada itu lawatan kapal-kapal perang Amerika, latihan ketenteraan dan program ketenteraan tajaan Amerika (IIMET) telah memanfaatkan 1,500 anggota pertahanan Malaysia, dengan ia meluluskan lebih banyak penerbangan ketenteraan Amerika merentasi Malaysia sejak 11 Sept; bertukar maklumat risikan; dan dengan aktif mengenal pasti dan membekukan aset penganas.

Persoalannya ialah apa yang berlaku selepas pertemuan di Washington? Dengan tiga negara Asean -- Malaysia, Indonesia dan Filipina -- menandatangani pakatan melawan keganasan, haruskah Amerika memberi galakan kepada negara-negara ini untuk menangani keganasan di rantau tanpa keperluan menempatkan tentera Amerika di mana-mana negara Asean?

Ia pasti baik untuk masa depan perpaduan Asean jika perjanjian itu dibenarkan berjaya. Pakatan itu menunjukkan yang Asean mampu memainkan peranan pelopor dalam memerangi keganasan di rantau. Sudahpun ada petanda yang negara-negara Asean yang lain mahu turut serta. Asean telah matang dan boleh menguruskan sendiri keselamatannya.

-- BERNAMA

SH AHH PR